

## Ciri Iklim Sekolah Berkesan: Implikasinya Terhadap Motivasi Pembelajaran

AHMAD ZABIDI ABDUL RAZAK

### ABSTRAK

*Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan ciri iklim sekolah berkesan. Kajian ini dilihat daripada persepsi 97 orang guru daripada empat buah sekolah menengah agama di Selangor. Kaedah tinjauan digunakan untuk mendapatkan data. Data ini dianalisis untuk mendapatkan taburan kekerapan dan min. Daripada analisis ini menunjukkan ciri sekolah agama menengah berkesan adalah: (1) pelaksanaan amalan hidup Islam dalam setiap aspek pembelajaran dan pekerjaan, (2) pengamalan sifat muraqabah, iaitu merasakan Allah sentiasa memerhati setiap tindakan yang dilakukan, (3) pengetua mengamalkan komunikasi terbuka dalam pergaulan dengan guru dan pelajar, (4) komitmen guru terhadap sekolah adalah tinggi, (5) guru-guru bekerjasama untuk menyelesaikan masalah, (6) kawasan sekolah bersih, cantik, selamat dan cukup tempat ruang belajar; dan (7) sikap pelajar yang positif. Berdasarkan dapatan kajian, artikel ini membincangkan implikasinya terhadap motivasi pembelajaran di sekolah.*

### ABSTRACT

*The objective of this study is to determine the climate characteristics of the effective schools. This study examines the perceptions of 97 teachers from four religious secondary schools in Selangor where the survey method is used. Frequencies and mean are used in data analysis. The study reveals that the characteristics of effective religious secondary school climate are (1) the application of Islamic way of life in every aspect of learning and work, (2) practicing 'muraqabah' that is the feeling that Allah is watching every action performed, (3) the school principal practices open communication when communicating with teachers and students, (4) teacher's commitment towards school is high, (5) teachers cooperate to solve problems, (6) school compound is clean, beautiful, safe and there are ample classrooms being built, and (7) students' behaviour at a satisfactory level. Based on the findings from this study, this article discusses the implication towards learning behaviour in schools.*

## PENGENALAN

Konsep tentang sekolah berkesan di Malaysia mula diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1995 dalam Seminar Sekolah Efektif yang telah dianjurkan oleh Institut Aminuddin Baki. Salah seorang pembentang kertas kerja di seminar tersebut ialah Peter Mortimore (1995) dari Universiti London. Beliau telah membentangkan kertas kerja yang berjudul *Key Characteristics of Effective Schools*. Dalam kertas kerja beliau, Mortimore menyenaraikan 11 ciri sekolah berkesan seperti berikut: (1) kepimpinan profesional, (2) perkongsian visi dan matlamat, (3) kewujudan budaya pembelajaran, (4) penumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran, (5) pengajaran bermatlamat, (6) pengharapan yang tinggi, (7) pengukuhan yang positif, (8) pemantauan terhadap perkembangan, (9) hak dan tanggungjawab murid, (10) permuafakatan rumah-sekolah, dan (11) organisasi dinamik.

Sementara itu, Abdul Shukor (1995) menyenaraikan ciri sekolah yang berkesan seperti berikut : (1) mempunyai kepimpinan pengetua yang kuat dengan tumpuan pengurusan adalah terhadap peningkatan kualiti pengajaran, (2) membina iklim persekolahan di mana tiap-tiap murid berada dalam satu tahap pencapaian yang ditetapkan terlebih dahulu dan tidak lebih rendah daripada itu, (3) mempunyai suasana disiplin yang teratur tanpa perlunya membina peraturan ketat, tenang dan tanpa penindasan, tetapi selesa untuk suasana proses pengajaran, (4) memberi keutamaan terhadap proses pengajaran di mana sekolah berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan matlamat pengajaran dilaksanakan secara teratur dan memberi faedah, serta (5) mengesan kemajuan murid secara sistematik, iaitu pengetua dan guru-guru mengawas kemajuan murid berpandukan kepada kehendak dan objektif pengajaran.

Kajian ini bertujuan untuk menentukan ciri penting iklim sekolah menengah agama berkesan dan implikasinya terhadap motivasi pembelajaran untuk mengenal pasti tahap amalan pengurusan budaya kolaboratif pengurus (pengetua) wanita di sekolah dan pengaruhnya terhadap motivasi menurut perspektif guru.

## IKLIM SEKOLAH

Keadaan atau suasana sekolah yang tenang dan nyaman, sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran dianggap sebagai mempunyai iklim sekolah yang berkesan. Halpin dan Croft (1963) yang merupakan perintis dalam kajian iklim sekolah mengatakan bahawa iklim sekolah menggambarkan personaliti seseorang individu sendiri dan bagaimana guru tersebut berusaha untuk mencapai tahap organisasi iklim sekolah berkenaan. Seterusnya, Howard (1974) mendefinisikan iklim sekolah sebagai keadaan sosial dan budaya sekolah itu yang mempengaruhi tingkah laku orang di dalamnya. Pusat Perkembangan

Kurikulum (1981) mendefinisikan iklim sekolah sebagai suasana sekolah yang baik di mana keadaan persekitarannya dirasakan selesa, tenteram, mesra, riang dengan pembelajaran yang lancar.

Memandangkan faktor iklim sekolah turut membantu mewujudkan sekolah yang berkesan, maka terdapat beberapa pengkaji yang telah menyetujui beberapa ciri iklim sekolah berkesan hasil daripada kajian yang mereka lakukan. Mengikut Halpin dan Croft (1963), iklim sekolah yang berkesan mempunyai ciri-ciri berikut: (1) guru-guru merasa selamat, berpuas hati dan berkeyakinan, (2) guru-guru tidak rasa tertekan dan mengambil perhatian tentang kemajuan murid-muridnya, (3) pengetua merasa penuh yakin terhadap kerjanya, serta bertimbang rasa, dan (4) pelajar merasa selamat dan belajar bersungguh-sungguh.

Abdul Rahman an-Nahlawi (1995) pula menyatakan iklim sekolah yang berkesan mampu mewujudkan integrasi dan keharmonian sesama pelajar yang berbeza status sosio-ekonomi mereka (SES). Selain itu, sekolah juga mampu mengurangkan perbezaan-perbezaan sesama mereka. Pihak sekolah juga boleh mewujudkan kerjasama dengan keluarga pelajar. Hubungan yang mesra di antara sekolah dan keluarga akan membentuk pendidikan yang lebih sempurna bagi pelajar-pelajarnya.

Sesebuah sekolah berkesan daripada kaca mata Islam pula tidak sempurna sekiranya tidak wujud suasana keagamaan (iklim dini) di sekolah, khususnya jika majoriti warga sekolah sama ada pelajar, guru dan kakitangannya adalah beragama Islam. Ini bertepatan dengan pandangan Rosnani dalam muqaddimah buku Ali Mohammed (2002:x) yang mengatakan bahawa sesebuah sekolah bukan sahaja perlu efektif, tetapi yang lebih penting ialah bagaimana guru dan pelajar yang kuat pegangan agama Islam berusaha untuk membawa sekolah berkenaan ke puncak kejayaan.

Menurut Fathiah (2005), suasana sekolah yang mencerminkan ciri keislaman yang sebenar, boleh menyediakan persekitaran harmoni dan melahirkan kasih sayang, hormat menghormati serta pelaksanaan aktiviti pendidikan yang membawa kepada kejayaan sahsiah dan pencapaian murid-murid. Selain itu, pengetua yang memimpin guru-guru, menjadi penyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkarannya serta menjadi pencetus, penggerak dan pembina tamadun Islam.

Mengikut pandangan Rosnani (1998), pihak pengurusan sekolah hendaklah berusaha mewujudkan budaya sekolah yang menghidupkan nilai-nilai akidah dan berakhlak supaya murid-murid merasa selamat, sentiasa ingin berbakti dan berusaha untuk maju dalam pelajaran berdasarkan dorongan yang lebih tinggi, iaitu mencari keredhaan Allah S.W.T. dan bukan sekadar untuk menggembirakan warga sekolah, ibu bapa dan guru. Sebahagian daripada budaya ini adalah bersifat muraqabah, iaitu merasa Allah sentiasa memerhatikan perbuatan mereka untuk dipertanggungjawabkan. Sesungguhnya, jika setiap warga sekolah daripada pengetua, guru, kakitangan sokongan sehingga kepada pelajar-pelajar menghayati nilai-nilai akhlak ini, pasti sekolah berkesan dari sudut disiplin akan

wujud dan kurang keperluan kepada pengawasan. Bagaimanapun, melihat realiti insan yang mempunyai nafsu, memang masih perlu juga pengurusan sekolah memantau kegiatan dan perilaku murid-murid, khususnya akhlak mereka yang perlu sentiasa dinasihati dan dibimbing.

Dziauddin (1999) pula mengatakan suasana persekitaran pendidikan yang menekankan kepada perkembangan akal dan fizikal serta pemurnian dan pematapan rohani serta iman sebagai satu pakej yang mantap. Oleh itu, persekitaran sekolah yang selesa daripada aspek rohani, emosi dan kemasyarakatan sebegini boleh mengukuhkan aqidah dan akhlak keislaman yang berasaskan ilmu yang benar, amanah, ikhlas dan menghormati masalah umum, bekerjasama dan ketatatan tanpa melibatkan derhaka kepada perintah Allah. Suasana kerja seperti ini akan membina semangat kerja yang kuat ke arah mempertingkatkan motivasi.

Menurut Mahi Din (1998:2), dengan timbulnya suasana yang harmonis dalam hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia berasaskan ajaran tauhid, manusia akan dapat memahami hakikat budaya ilmu dengan baik dan dapat mengekalkan identiti dan fungsi yang sebenar, iaitu ilmu sebagai alat yang boleh membawa kepada kebenaran. Justeru, iklim dini di sekolah merupakan sebahagian daripada usaha pendidikan bersepadu meliputi tiga dimensi utama insan, iaitu rohani, intelek dan jasmani bagi membolehkan para pelajar dan guru mengamal dan menghayati ajaran Islam dalam semua aktiviti di sekolah dan juga meningkatkan motivasi warga sekolah.


Kesimpulannya, kebanyakan kajian yang dijalankan tentang iklim sekolah menunjukkan iklim sekolah akan mewujudkan suasana pembelajaran yang bermotivasi dan seterusnya membantu pelajar memperoleh pencapaian yang lebih baik dan guru-guru lebih puas untuk bekerja. Ibrahim (1993:78) menegaskan bahawa iklim yang positif sangat perlu wujud di sesebuah sekolah. Banyak kajian yang dibuat menunjukkan bahawa terdapat hubung kait yang rapat antara iklim sekolah dengan kejayaan murid. Sekiranya iklim baik, guru dan murid akan lebih bermotivasi dan pada masa yang sama aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan berjalan dengan baik.

## KERANGKA TEORI KAJIAN

Perbincangan sebelum ini menunjukkan bahawa iklim sekolah adalah antara aspek yang paling penting untuk meningkatkan motivasi pembelajaran warga sekolah tersebut. Keadaan ini dapat digambarkan dalam Rajah 1.

Rajah 1 menunjukkan iklim sekolah dan motivasi pembelajaran saling mempengaruhi antara satu sama lain. Sekiranya iklim sekolah berkesan, maka motivasi pembelajaran turut meningkat.

Ciri iklim sekolah dalam Rajah 1 menerangkan bahawa (1) kawasan sekolah bersih, cantik, selamat dan cukup tempat ruang belajar. Suasana sebegini akan mewujudkan rasa tenang, tenteram dan sudah tentu guru-guru akan sentiasa bersemangat untuk bekerja dan para pelajar pula bersemangat untuk belajar. (2)



RAJAH 1. Perkaitan antara iklim sekolah dan motivasi pembelajaran

Pengetua mengamalkan komunikasi terbuka di dalam pergaulan dengan guru dan pelajar. Sikap pengetua yang mudah bergaul akan memudahkan setiap warga sekolah berani untuk berbincang tentang apa jua masalah. Kewujudan suasana sebegini akan mengurangkan rasa tekanan dan akan membantu meningkatkan motivasi. (3) Amalan sifat muraqabah, iaitu merasakan Allah sentiasa memerhatikan setiap tindakan yang dilakukan. Keyakinan kepada wujudnya kuasa yang Agung yang sentiasa mengawasi tingkah laku seseorang akan memastikan seseorang itu melaksanakan sesuatu tugas dan amanah pada tahap yang terbaik tanpa perlunya kawalan daripada individu lain. Suasana kawalan dalaman ini dapat memastikan setiap warga sekolah sentiasa berusaha melaksanakan amalan yang baik dan meninggalkan amalan maksiat, keadaan ini mewujudkan suasana motivasi yang tinggi. (4) Sikap pelajar yang positif, bermaksud keperibadian yang baik yang ditunjukkan oleh pelajar sama ada semasa berada di sekolah atau luar kawasan sekolah. Sekiranya pelajar mempunyai sikap positif ini, mereka boleh menguruskan sesuatu kerja dengan bebas dan boleh berdikari tanpa perlu dipaksa. Guru-guru hanya perlu memantau tingkah laku pelajar tersebut dan hanya perlu menegur tanpa perlu mengambil tindakan yang berat. (5) Pelaksanaan amalan hidup Islam dalam setiap aspek pembelajaran dan pekerjaan. Ciri ini bermaksud guru atau pelajar yang hendak melaksanakan sesuatu perkara telah meletakkan ketentuan syarak sebagai asasnya. Dengan pengamalan sebegini, ia dapat memastikan setiap tindakan akan membawa kepada kebaikan kerana Islam tidak pernah menganjurkan ke arah kemaksiatan. (6) Komitmen guru terhadap sekolah adalah tinggi. Ciri ini bermaksud guru-guru memberi tumpuan penuh kepada kurikulum dan pengajaran. Mereka memahami bahawa tugas utama mereka di sekolah adalah berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, mereka perlu memastikan setiap aktiviti yang berkaitan pengajaran dan pem-

belajaran benar-benar memberi kesan kepada pelajar. Antara tindakan mereka ialah memaksimumkan waktu pengajaran dan membuat perancangan yang rapi tentang pengajaran. (7) Guru-guru bekerjasama untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Kesemua tujuh ciri ini menunjukkan bahawa guru-guru bersama-sama memberi sumbangan ke arah perjalanan dan perkembangan sekolah. Mereka juga berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan sekolah. Tujuh ciri yang dipilih ini merangkumi peranan yang perlu dilaksanakan oleh pengetua, guru-guru dan pelajar untuk mewujudkan iklim sekolah yang berkesan.

Motivasi pembelajaran Rajah 1 merujuk kepada Motivasi Pembelajaran Sosial. Menurut Rotter (1975) yang membentangkan Teori Motivasi Pembelajaran Sosial, individu yang mengetahui kaitan antara kelakuan mereka dan kesan yang dialami mempunyai kecenderungan kawalan dalaman yang kuat. Mereka tahu bahawa tindakan yang mereka ambil akan mempengaruhi apa yang berlaku kepada mereka. Sekiranya setiap warga sekolah berusaha mewujudkan iklim sekolah yang berkesan, mereka akan mempunyai kawalan dalaman diri yang kuat. Dengan kawalan dalaman yang kuat, ini akan memotivasikan warga sekolah untuk melaksanakan sesuatu tugas pada tahap yang terbaik. Sikap sebegini dapat memastikan mereka mencapai kejayaan dalam setiap tugas yang dilaksanakan.

## KAEDAH KAJIAN

### SAMPEL KAJIAN

Pemilihan sampel kajian ini adalah berdasarkan senarai nama sekolah berkesan yang telah dikenal pasti oleh pengkaji setelah berbincang dengan beberapa pegawai di Bahagian Pendidikan dan Pelajaran, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), analisis pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan analisis rekod disiplin selama tiga tahun berturut-turut (1998-2000). Kajian ini melibatkan keseluruhan guru yang mengajar di sekolah-sekolah tersebut sebagai responden kajian. Responden guru mewakili populasi guru sekolah-sekolah agama yang tidak terpilih di negeri Selangor.

Selain itu, kajian ini dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah agama yang berada di bawah pengawasan JAIS sahaja. Ia tidak melibatkan sekolah menengah agama di bawah Kementerian Pelajaran dan sekolah menengah agama rakyat. Kajian ini juga tidak melibatkan semua sekolah rendah agama dan tidak menyentuh status sosio-ekonomi (SES) atau latar belakang pendapatan ibu bapa pelajar. Empat buah sekolah telah dipilih sebagai lokasi kajian.

### PROSEDUR KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan di mana soal selidik diberikan kepada guru-guru di sekolah yang terpilih. Untuk memastikan soal selidik itu dapat

difahami dengan jelas oleh responden, pengkaji telah memberi taklimat dan penerangan tentang tujuan dan cara menjawab soal selidik.

#### INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kajian kuantitatif dan instrumen kajian ini telah dibina oleh penyelidik berdasarkan soal selidik yang bertajuk *Kajian Sekolah Berkesan di Malaysia: Model Lima Faktor* oleh Shahril (1997). Instrumen kajian ini mengandungi satu set soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A terdiri daripada sembilan soalan untuk mendapatkan profil sekolah, soalan termasuk pencapaian sekolah dalam SPM dan rekod disiplin sepanjang tahun 1998 - 2000. Bahagian B terdiri daripada lima soalan berkaitan, iaitu latar belakang pengalaman dan latihan yang telah diperolehi oleh guru. Bahagian C mengandungi soalan-soalan yang bertujuan untuk menentukan ciri iklim sekolah agama menengah berkesan. Item soalan ini adalah berdasarkan kepada ciri iklim sekolah yang terdapat dalam kerangka teori kajian ini.

Bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik ciri-ciri iklim sekolah menengah agama berkesan, satu analisis data telah dilakukan untuk mendapatkan *Coefficient Alpha*. Daripada data ini, didapati item-item soal selidik ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi pada *standardized item Alpha* pada .8697. Ini adalah petunjuk yang baik tentang kebolehpercayaan item-item dalam instrumen tersebut.

#### ANALISIS DATA

Semua data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS versi 10.01) untuk mendapatkan taburan kekerapan dan min setiap item bagi setiap ciri iklim sekolah menengah agama berkesan. Dapatan ini memberi gambaran persepsi guru-guru secara menyeluruh tentang ciri iklim sekolah menengah agama berkesan.

#### DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan persepsi guru-guru tentang ciri iklim sekolah menengah agama berkesan. Berdasarkan susunan pangkatan min setiap item menunjukkan bahawa ciri iklim sekolah menengah agama berkesan adalah seperti berikut: (1) pelaksanaan amalan hidup Islam dalam setiap aspek pembelajaran dan pekerjaan ( $x = 3.99$ ), (2) pengamalan sifat muraqabah, iaitu merasakan Allah sentiasa memerhatikan setiap tindakan yang dilakukan ( $x = 3.84$ ), (3) pengetua mengamalkan komunikasi terbuka dalam pergaulan dengan guru-guru dan pelajar ( $x = 3.84$ ), (4) komitmen guru terhadap sekolah adalah tinggi ( $x = 3.81$ ), (5) guru-guru bekerjasama untuk menyelesaikan masalah ( $x = 3.80$ ), (6) kawasan sekolah bersih, cantik, selamat dan cukup tempat ruang belajar ( $x = 3.72$ ) dan (7) sikap pelajar yang positif mempunyai nilai min yang terendah ( $x = 3.33$ ).

JADUAL 1. Taburan peratus kekerapan dan nilai min ciri iklim sekolah di sekolah agama menengah berkesan mengikut persepsi guru

Bil	Ciri-ciri Iklim Sekolah	Tidak ada langsung	Jarang-jarang	Kadang-kadang	Selalu	Sangat selalu	Nilai min (x)	Jumlah	Pangka-tan
1.	Kawasan sekolah bersih, cantik, selamat dan cukup tempat ruang belajar	1.0 (1)	3.1 (3)	33.0 (32)	48.5 (47)	14.4 (14)	3.72	100 (97)	6
2.	Pengetua mengamalkan komunikasi terbuka di dalam pergaulan dengan guru dan pelajar.	- (0)	3.1 (3)	22.7 (22)	61.9 (60)	12.4 (12)	3.84	100 (97)	3
3.	Pengamalan sifat muraqabah iaitu merasakan Allah s.w.t. sentiasa memerhatikan setiap tindakan yang dilakukan.	- (0)	3.1 (3)	19.6 (19)	62.9 (61)	14.4 (14)	3.84	100 (97)	2
4.	Sikap pelajar yang positif	- (0)	11.3 (11)	47.4 (46)	38.1 (37)	3.1 (3)	3.33	100 (97)	7
5.	Pelaksanaan amalan hidup Islam dalam setiap aspek pembelajaran dan pekerjaan	- (0)	3.1 (3)	15.5 (15)	60.8 (59)	20.6 (20)	3.99	100 (97)	1
6.	Komitmen guru terhadap sekolah adalah tinggi	1.0 (1)	6.2 (6)	22.7 (22)	50.5 (49)	19.6 (19)	3.81	100 (97)	4
7.	Guru-guru bekerjasama untuk menyelesaikan sesuatu masalah	1.0 (1)	5.2 (5)	23.7 (23)	52.6 (51)	17.5 (17)	3.80	100 (97)	5

Nota : *Angka tanpa kurungan menunjukkan peratus  
Angka dalam kurungan menunjukkan bilangan kes*

Berdasarkan dapatan ini menunjukkan ciri iklim yang berkaitan dengan penglibatan peranan keseluruhan warga sekolah, iaitu pelaksanaan amalan hidup Islam dalam setiap aspek pembelajaran dan pekerjaan. Selain itu, pengamalan sifat muraqabah, iaitu merasakan Allah sentiasa memerhatikan setiap tindakan yang dilakukan lebih terserlah sebagai ciri-ciri iklim sekolah menengah agama berbanding dengan peranan yang dimainkan oleh pengetua atau guru-guru sahaja. Memandangkan amalan menyeluruh lebih dominan daripada amalan individu, sudah tentu memudahkan lagi pembentukan motivasi pembelajaran di kalangan warga sekolah tersebut

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

### AMALAN HIDUP ISLAM DALAM PEMBELAJARAN DAN PEKERJAAN

Kajian ini menunjukkan bahawa iklim yang berkaitan dengan pengamalan cara hidup Islam di kalangan warga sekolah merupakan ciri iklim sekolah menengah agama berkesan yang terpenting berbanding lain-lain ciri iklim sekolah berkesan. Budaya hidup beragama ini membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar. Sejarah membuktikan bahawa kejayaan sebuah sekolah agama yang terkenal, iaitu Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) banyak dibantu oleh budaya hidup beragama. Menurut Penolong Pengetua KISAS, En. Razali Mohd. Salleh dalam Utusan Malaysia pada 26 Ogos 1997, disiplin beragama yang tinggi di samping rajin mengamalkan sembahyang berjemaah dan amalan-amalan sunat seperti sembahyang sunat hajat, tahajjud, berzikir, berpuasa sunat pada setiap hari Isnin dan Khamis serta amalan tazkirah yang menjadi amalan sebahagian besar pelajar merupakan faktor penting kecemerlangan pelajar kolej ini.

Walaupun amalan keagamaan ini sukar diukur kesannya kepada keberkesanan sekolah, namun amalan seperti ini dapat membersihkan jiwa. Menurut Imam Al-Ghazali (1962), sebelum belajar seseorang pelajar itu mestilah membersihkan jiwanya daripada kecenderungan yang buruk dan perangai yang jelek. Ini kerana ilmu itu tempatnya di hati. Seandainya seseorang pelajar mempunyai perangai yang buruk, mungkin berkeupayaan untuk memperoleh ilmu, tetapi ia tidak berfaedah baginya. Oleh yang demikian, amalan-amalan ini perlu dijadikan amalan yang berterusan dan bukan hanya apabila hampir dengan sesuatu peperiksaan sahaja.

Dengan mengamalkan cara hidup Islam dalam proses pembelajaran dan pekerjaan, pelajar dan guru-guru tersebut telah menjadikan insentif iman sebagai faktor utama. Menurut Sayyid Sabiq (t.t), iman ertinya membenarkan, mempercayai dan meyakini sesuatu perkara tanpa syak dan ragu-ragu. Membenar dan merasa yakin tanpa sebarang keraguan ditumpukan kepada enam perkara iaitu kepada Allah, para malaikat, nabi dan rasul, kitab-kitab Allah, hari akhirat serta takdir Allah sama ada baik atau buruk. Dengan kepercayaan yang teguh terhadap enam perkara utama ini, maka seseorang itu akan menunaikan amanah

mereka dengan yang terbaik kerana mereka sentiasa sedar dan yakin bahawa kehidupan di dunia adalah sementara dan sekiranya mereka tidak menunaikan amanah tersebut mereka akan menerima balasan di akhirat nanti. Kesan faktor ini kepada pelajar ialah mereka menjadi pelajar yang sentiasa bersemangat dan bermotivasi untuk menuntut ilmu. Kesannya kepada guru ialah mereka akan sentiasa bersungguh-sungguh dalam pekerjaan mereka. Keadaan ini akan menjadikan suasana pembelajaran akan sentiasa bermotivasi.

Selain itu, perkataan iman juga dikaitkan dengan rasa aman dan tenteram di dalam hati dengan maksud aman daripada kegelisahan dan keresahan hati. Dengan memiliki jiwa yang sentiasa tenang akan membantu setiap pelajar ataupun guru-guru dapat menyelesaikan segala cabaran hidup dengan lebih lancar dan ini akan membantu menjadikan suasana pembelajaran tidak diganggu oleh faktor-faktor luaran yang tidak sepatutnya berlaku. Keadaan ini akan menjadikan suasana pembelajaran sentiasa bermotivasi dan bersemangat.

#### PENGAMALAN SIFAT MURAQABAH

Walaupun pengamalan sifat muraqabah, iaitu merasakan Allah sentiasa memerhatikan setiap tindakan yang dilakukan ini hampir sama dengan ciri pertama, iaitu pelaksanaan amalan hidup Islam dalam setiap aspek. Namun begitu, ciri ini lebih menjuruskan kepada usaha pembentukan disiplin dalaman di kalangan warga sekolah berbanding ciri pertama yang lebih kepada amalan yang dapat dilihat proses ia berlaku.

Sifat muraqabah ini membawa maksud wujudnya satu perasaan di dalam jiwa setiap warga sekolah bahawa Allah sentiasa memerhatikan setiap apa yang mereka lakukan. Sekiranya pengetua, guru dan kakitangan sokongan mengamalkan sikap ini, sudah tentu mereka akan melaksanakan setiap amanah yang diberikan dengan sebaik mungkin walaupun tidak diperhatikan oleh orang lain. Ini kerana mereka sedar bahawa setiap apa yang dilakukan tersebut sentiasa mendapat pengawasan daripada Allah dan akan mendapat balasan pada setiap perbuatan yang mereka lakukan.

Dengan pengamalan sifat sebegini dapat membantu mengurangkan masalah guru yang terlalu banyak membuang masa berbual kosong, membaca bahan picisan dan tidak masuk kelas. Guru sekolah sedar bahawa masa tujuh hingga lapan jam di sekolah adalah waktu bekerja (kecuali waktu rehat) dan mereka beramanah untuk melakukan kerja yang terbaik dalam tempoh tersebut kerana perlakuan mereka diperhatikan Allah. Sementara itu, pengamalan sifat ini di kalangan pelajar akan menjadikan mereka sentiasa terdorong untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan melaksanakan akhlak mulia ke tahap yang tertinggi. Ini kerana mereka sedar bahawa mereka beramanah dengan ibu bapa mereka dan Allah yang sentiasa memerhatikan sama ada mereka melaksanakan amanah tersebut atau tidak.

Sekiranya setiap warga sekolah daripada pengetua, guru, kakitangan sokongan sehingga kepada pelajar-pelajar menghayati nilai-nilai akhlak ini, pasti sua-

sana sekolah lebih tenang kerana setiap individu menyedari dan melaksanakan tugas-tugas masing-masing tanpa perlu diarah atau dipaksa. Kewujudan suasana kawalan dalaman dalam diri setiap warga sekolah akan mengurangkan masalah disiplin sama ada di pihak pelajar mahupun guru. Keadaan ini akan menjadikan mereka sentiasa bersemangat dan bermotivasi untuk belajar dan berkerja.

#### KOMUNIKASI TERBUKA DALAM PERGAULAN

Sikap pengetua yang mengamalkan corak komunikasi secara terbuka kepada seluruh warga sekolah dan ibu bapa juga dapat mewujudkan ciri iklim sekolah berkesan. Sikap sebegini amat penting diamalkan kerana peranan pengetua cukup penting dalam menentukan keberkesanan sekolah. Selain itu, berdasarkan profil pengetua/guru besar berkesan menurut model Malaysia (Institut Aminuddin Baki 1998), kesimpulan daripada dapatan kajian yang dibuat di sekolah-sekolah di Malaysia menyatakan bahawa antara ciri penting pengetua berkesan ialah pengetua atau guru besar yang mengamalkan cara berkomunikasi yang cekap dalam pelbagai hala dan cara. Sekiranya pengetua tidak mengamalkan konsep terbuka, ini akan menyukarkan pengetua untuk mendapat maklum balas yang diperlukan untuk mengemas kini perancangan yang sedang dibuat bagi meningkatkan keberkesanan sekolah.

Menurut Ahmad (1991), ketua hendaklah menunjukkan kemampuan bekerjasama dalam mengurus organisasinya menuju matlamat yang dicita-citakan. Hal ini tidak akan tercapai melainkan wujudnya jalinan yang erat antara pemimpin dengan pihak yang dipimpin tanpa adanya garis pemisah antara satu sama lain. Apa yang lebih penting lagi ialah seseorang pengetua itu mampu bertindak sebagai model terbaik kepada guru dan pelajar. Sekiranya pengetua gagal memainkan peranan ini, maka agak sukar segala perubahan dapat dilakukan di sekolah kerana tanpa contoh teladan yang terbaik akan menyebabkan guru dan pelajar kurang menghormati pengetua. Keadaan ini boleh menyebabkan guru dan pelajar tidak bersungguh-sungguh melaksanakan arahan dan perancangan pengetua.

Keterbukaan komunikasi oleh pengetua ini akan menghilangkan rasa ketidakpuasaan hati di kalangan guru atau pelajar. Keadaan ini sangat membantu peningkatan motivasi kepada guru untuk melaksanakan tugas pada tahap yang terbaik dan pelajar pula akan belajar dengan bersungguh-sungguh.

#### KOMITMEN GURU TERHADAP SEKOLAH

Komitmen guru yang tinggi terhadap sekolah adalah antara ciri terpenting iklim sekolah menengah agama berkesan. Menurut Rahimah (1998), guru merupakan faktor paling penting dan menjadi tunjang kepada sekolah berkesan kerana guru merupakan juruteknik yang bertanggungjawab terhadap *core business of schools*, khususnya pembelajaran anak didiknya melalui pengajaran dan bimbingan. Seseorang guru yang baik ialah guru yang memiliki tahap disiplin

kendiri yang tinggi dan sifat ingin melakukan kebaikan kepada orang lain. Guru-guru yang bersifat sebegini akan sentiasa memberikan komitmen yang tinggi untuk meningkatkan pencapaian akademik dan pembentukan akhlak pelajaranya. Oleh yang demikian, antara tindakan yang perlu dilakukan oleh guru adalah (1) dengan mengadakan perancangan awal untuk menyesuaikan isi pengajaran dan penilaian dengan kebolehan pelajar, (2) sentiasa memberi panduan kepada para pelajar tentang tindakan yang perlu dilakukan untuk mendapat pencapaian yang baik, (3) memberi bantuan kepada pelajar yang memerlukannya terutama dalam soal pengajaran dan pembelajaran, (4) memastikan rancangan pengajarannya sentiasa menarik, serta (5) mencabar kemahiran pelajar-pelajar terutamanya kemahiran berfikir.

Guru-guru juga perlu memberi penekanan kepada pelaksanaan pengajaran berasaskan kemahiran berfikir kritis. Sekiranya keadaan seumpama ini tidak berlaku, ini akan menyebabkan pelajar-pelajar yang dihasilkan oleh sekolah menengah agama hanya pandai menghafal dan kurang mempunyai kekuatan pemikiran dalam menyelesaikan masalah. Pelajar-pelajar seumpama ini sudah tentu sukar untuk bersaing dengan pelajar-pelajar dari sekolah aliran lain kerana situasi pendidikan sekarang ini lebih menjuruskan kepada kekuatan pemikiran pelajar dan bukan hanya bergantung kepada guru semata-mata. Semua ini dapat dilaksanakan sekiranya guru-guru tersebut mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mendalam dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Untuk menguasai kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran ini, para guru seharusnya mempunyai latihan dalam bidang perguruan.

Selain latihan daripada aspek pengajaran dan pembelajaran, pihak sekolah boleh memberi penekanan kepada guru-guru supaya dapat melakukan kajian dan penyelidikan secara sendirian ataupun berkumpulan. Penekanan kepada penyelidikan boleh mengurangkan kekerapan pelaksanaan program latihan kepada guru-guru kerana setiap permasalahan yang berlaku boleh ditangani dengan penyelidikan dalaman sekolah itu sendiri. Selain itu, penyelidikan juga dapat membantu sekolah membuat perancangan ke arah kecemerlangan pada masa hadapan. Sekurang-kurangnya penyelidikan boleh dijalankan untuk memastikan kekuatan sekolah yang sedia ada, mengenal pasti kelemahan dalam pelbagai aspek yang perlu diperbaiki, mengenal pasti kekangan yang mungkin boleh menghalang pelaksanaan sesuatu program dan merancang bentuk-bentuk program penambahbaikan yang berkesan. Dengan pendedahan kepada guru-guru tentang budaya penyelidikan, segala permasalahan yang berlaku di sekolah dapat diatasi oleh penyelidikan dalaman sekolah tanpa perlu bergantung kepada pihak lain.

Kesimpulannya, komitmen guru yang tinggi dan ditambah pula dengan kemahiran perguruan akan mewujudkan suasana pembelajaran yang sentiasa bersemangat. Penyelidikan yang dijalankan pula akan menghasilkan idea-idea baru untuk menjadikan sesi pengajaran pembelajaran lebih menarik minat pelajar.

## GURU BEKERJASAMA MENYELESAIKAN MASALAH

Selain pengetua, semua guru perlu bekerjasama memberi perhatian kepada perkembangan pelajar supaya mereka dapat mengikuti sepenuhnya matlamat kurikulum di sekolah. Beberapa kajian yang berkaitan mendapati pengetua di sekolah yang berkesan sentiasa memantau perkembangan pelajar-pelajarnya (Weber 1971; Venezky & Winfield 1979; Edmonds 1979). Ada pandangan yang menyatakan bahawa guru juga patut memainkan peranan ini. Menurut Rahimah (1992), guru yang produktif itu ialah guru yang berkesan dalam pengajarannya dan mampu membimbing perkembangan muridnya.

Untuk mewujudkan suasana perbincangan yang mesra, pihak sekolah perlu menganjurkan aktiviti yang berbentuk pembinaan kumpulan supaya setiap individu di dalam sekolah tersebut mempunyai ikatan kekitaan dan ini menghilangkan perasaan individualistik. Apabila wujudnya ikatan ini, semua pihak akan bertanggungjawab apabila menghadapi satu-satu masalah dan ini menghalang sikap saling menyalahi antara satu sama lain. Sikap bekerjasama akan mewujudkan suasana kerja yang menyeronokkan dan secara tidak langsung akan menimbulkan keyakinan dan kepuasan kerja. Keadaan ini akan menjadikan guru-guru sentiasa bersemangat untuk memberikan komitmen yang terbaik dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya membantu meningkatkan motivasi pembelajaran.

## SUASANA DAN PERSEKITARAN SEKOLAH

Hasil kajian tentang ciri ini telah menyamai kajian yang telah dilakukan sebelum ini. Antaranya ialah kajian Shahril (1997) yang mendapati iklim sekolah yang berkesan terhasil apabila suasana sekolah aman, cantik, selamat dan cukup ruang untuk belajar. Bangunan sekolah dijaga dengan baik dan kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran.

Faktor bersih, cantik, selamat dan cukup ruang belajar amat penting kerana ia mempengaruhi psikologi dan emosi warga sekolah sama ada guru-guru, pelajar atau kakitangan sokongan. Oleh yang demikian, untuk memastikan tahap kebersihan, kecantikan dan keceriaan kawasan sekolah dapat dikekalkan pihak sekolah boleh mengadakan pertandingan kebersihan dan keceriaan kelas dan juga taman-taman yang telah ditentukan persatuan-persatuan yang menjaganya. Seterusnya, kelas ataupun persatuan yang dapat mengekalkan kebersihan dan keceriaan tersebut diberi pengiktirafan semasa perhimpunan.

Dengan aktiviti sebegini, pihak sekolah bukan sahaja berjaya mengekalkan tahap keceriaan kawasan tersebut, bahkan berjaya mewujudkan semangat kerjasama dan tolong menolong di kalangan warga sekolah. Suasana sekolah sebegini akan memaparkan suasana kekeluargaan dan secara tidak langsung akan membantu keseronokan belajar dan bekerja. Ini dapat membantu pelajar memperoleh pencapaian yang cemerlang dan guru-guru serta kakitangan lain akan turut merasa keseronokan dan kepuasan bekerja di sekolah berkesan ini.

## SIKAP PELAJAR

Kajian keciciran (KPM 1973) melihat sikap pelajar terhadap guru sebagai suatu yang mendorong mereka belajar dan mencapai kejayaan. Memandangkan keberkesanan sekolah dinilai antaranya berdasarkan kepada pencapaian dan akhlak pelajar, maka pembentukan sikap pelajar perlu diutamakan oleh pentadbiran sekolah. Pelajar-pelajar perlu dilatih supaya sentiasa berakhlak mulia, menghormati guru dan sedia memberi bantuan kepada guru apabila diminta, sentiasa berbincang dengan guru apabila menghadapi kesukaran dalam pelajaran, menjaga kebersihan diri, menjaga bilik darjah dan kawasan persekitaran sekolah, kurang menghadapi masalah disiplin di dalam atau luar kawasan sekolah.

Pelajar tidak seharusnya menghina dan bersikap meninggi diri, sebaliknya hendaklah meyakini dan menghormati gurunya. Pelajar hendaklah merendah diri di hadapan guru dan menurut apa yang disuruh oleh gurunya dengan mengtepidkan pandangannya sendiri kerana kesilapan guru kadangkala berfaedah kepadanya. Dalam persoalan mengajukan pertanyaan, pelajar hendaklah meminta dan memperoleh kebenaran daripada guru terlebih dahulu. Penekanan sifat ini penting untuk memastikan setiap ilmu yang diperoleh diberkati oleh Allah.

Sikap pelajar sebegini lebih mudah dibentuk sekiranya guru-guru menunjukkan model yang terbaik untuk diikuti oleh pelajar. Oleh yang demikian, tugas seseorang guru bukan hanya menyampaikan ilmu pengetahuan, bahkan bertanggungjawab untuk membentuk peribadi yang cemerlang di kalangan pelajar. Dengan sikap pelajar yang berakhlak mulia, maka guru tidak perlu mengambil tindakan yang keras untuk menyedarkan pelajar tentang kesalahan yang mereka lakukan, sebaliknya sekadar menegur sahaja. Sikap pelajar yang baik juga ialah mereka bukan sahaja menumpukan sepenuh perhatian kepada akademik semata-mata, sebaliknya juga perlu aktif dalam kegiatan kokurikulum. Penyertaan dalam bidang kokurikulum ini secara tidak langsung dapat memupuk amalan nilai-nilai murni dan akhlak yang mulia di kalangan pelajar. Walaupun mereka aktif, tetapi pencapaian mereka adalah seimbang ataupun lebih baik daripada pelajar-pelajar yang tidak aktif dan markah mereka juga seimbang dalam setiap mata pelajaran. Selain itu, pelajar-pelajar sekolah menengah agama juga harus diorientasikan menjadi pelajar yang bertakwa kepada Allah, bermotivasi, ada wawasan diri, jelas matlamat, gigih berusaha meneroka dan membudayakan ilmu dan kemahiran, berbudaya saing yang tinggi serta sanggup memberi sumbangan kepada masyarakat.

Dengan memiliki sikap yang positif sudah tentu akan memudahkan tugas guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran kerana guru tidak lagi perlu membuang masa untuk mengawal disiplin pelajar. Kesannya, guru dapat memberikan pengajaran dengan berkesan dan pelajar-pelajar akan sentiasa bersemangat untuk menimba ilmu.

## KESIMPULAN

Daripada susunan ciri iklim sekolah menengah agama berkesan ini menunjukkan bahawa peranan seluruh warga sekolah untuk mengamalkan budaya hidup Islam sebagai ciri terpenting. Ia kerana untuk memastikan keberkesanan sekolah, maka semua pihak perlu melaksanakan amanah dengan penuh disiplin dan bukan hanya mencari kesalahan orang lain sahaja.

Seterusnya, dapatan juga menunjukkan bahawa peranan pemimpin sekolah berada di kedudukan kedua terpenting selepas kedudukan peranan semua warga sekolah. Menurut Wan Liz Ozman (1996), ketua sesebuah organisasi memainkan peranan yang besar dalam mencorak suasana kerja, motivasi, kelicinan dan keberkesanan organisasi tersebut. Seseorang pemimpin yang tidak mempunyai wawasan yang jelas mengenai objektif dan arah tujuan organisasinya sudah tentu tidak akan dapat mengemudikan organisasi tersebut ke arah matlamat yang tepat. Maju atau mundurnya sesebuah organisasi itu bergantung kuat kepada kualiti dan gaya kepimpinan pemimpin yang memegang tanggungjawab tersebut. Penerimaan ahli organisasi kepada pemimpin akan menentukan kecemerlangan organisasi tersebut.

Selain daripada peranan yang perlu dimainkan oleh pemimpin, pengikut yang terdiri di kalangan guru dan kakitangan sokongan mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan kejayaan organisasi tersebut. Sekiranya ahli organisasi sering membawa diri masing-masing, tidak wujud budaya bekerjasama, saling mencurigai dan menyalahkan antara satu sama lain sudah tentu akan mewujudkan suasana yang penuh prejudis, tidak mempercayai seterusnya akan menghalang keberkesanan sesebuah organisasi itu.

Kesimpulannya, untuk memastikan kejayaan organisasi semua pihak perlu bekerjasama dan melaksanakan setiap tugas masing-masing dengan penuh komitmen dan berkualiti. Tidak ada gunanya ahli organisasi hanya berusaha mencari kepentingan sendiri dan mengetepikan rakan-rakan lain kerana semua ini hanyalah nikmat dunia yang boleh datang dan hilang bila-bila, tetapi dengan keikhlasan bekerja kerana Allah nikmatnya akan tetap dirasai sehingga akhirat nanti. Tuntasnya, iklim sekolah menengah agama perlu disepadukan antara iklim yang bersifat disiplin dalaman (nilai kerohanian) seperti penerapan nilai keagamaan dalam kehidupan seharian di sekolah dan iklim bersifat luaran seperti persekitaran sekolah yang bersih dan cantik serta hubungan komunikasi yang baik. Dengan kesepaduan iklim-iklim ini, pihak sekolah bukan sahaja mampu mewujudkan suasana motivasi pembelajaran tinggi, tetapi juga berjaya menghasilkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah.

- Abdullah Nasih Ulwan. 1989. *Pendidikan anak-anak dalam Islam*. Jilid 1. Singapura: Pustaka Nasional.
- Abdul Shukor Abdullah. 1995. Membina sekolah berkesan: Aplikasi dasar. Seminar Sekolah Efektif anjuran Kementerian Pendidikan pada 13-14 Julai 1995 di Institut Aminudin Baki.
- Abdur Rahman an-Nahlawi. 1995. *Pendidikan Islam di rumah, sekolah dan masyarakat*. Jakarta: Penerbit Gema Insani.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. 1991. *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Al-Ghazali. 1962. *The book of knowledge*. Terj. Nabih Amin Faris. Lahore.
- Ali Mohammad Jubran Salleh. 2002. *Educational administration an Islamic perspective*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Dziauddin Abdul Rahman. 1999. Menjana dan memperkasakan pendidikan sekolah agama ke arah kecemerlangan. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sekolah-sekolah Agama. Anjuran Universiti Sains Malaysia.
- Edmonds, R. 1979. Effective schools improvement: An overview. *Educational Leadership* 37.
- Fathiah Saini. 2005. Kepimpinan pengajaran daripada perspektif Islam di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Halpin, A.W. & Croft D.B. 1963. *The organizational climate of school*. Chicago: Midwest Administration Center, University of Chicago.
- Howard, E.R. 1974. School climate improvemen. *Education Digest* 39 (8): 333-336.
- Ibrahim Mamat. 1993. *Kepimpinan sekolah: Teori untuk praktis*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1973. *Kajian keciciran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1981. *Kurikulum baru sekolah rendah: Matlamat, rasional, bidang pelajaran dan strategi pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1998. Profil pengetua/guru besar berkesan menurut model Malaysia. Mesyuarat gerakan pengetua berkesaan. Pahang : Institut Aminuddin Baki.
- Mahi Din Sari. 1998. Iklim dini di sekolah. *Jurnal Dakwah* 1 (1) : 33-47.
- Mortimore, P. 1995. Key characteristics of effective schools. Seminar Sekolah Efektif. Anjuran Kementerian Pendidikan pada 13-14 Julai 1995 di Institut Aminudin Baki.
- Rahimah Haji Ahmad. 1992. Peningkatan produktiviti: Saranan dan tuduhan. *Masalah Pendidikan* Jilid 16. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rahimah Haji Ahmad. 1998. Ucapan Utama (III) Profesionalisma guru dan sekolah berkesan. *Prosiding Seminar Pendidikan Guru Untuk Sekolah Berkesan* 23.
- Rosnani Hashim. 1998. Pengurusan pendidikan untuk sekolah daripada perspektif Islam. *Prosiding Seminar Pendidikan Guru Untuk Sekolah Berkesan* 62-63.
- Rotter, J. 1975. Some problems and Mmsconceptions related to the construction of internal versus external control of reinforcement. *Journal of Consulting and Clinical Psychology* 43 : 56-67.
- Sabiq, al-Sayyid. t.t. *Al-aqaid al-Islamiyyah*. Qahirah: Al-Fath li al-I'lam al-Arabiyyi.
- Shahril Marzuki. 1997. Kajian sekolah berkesan di Malaysia: Model lima faktor. Tesis

- Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Venezky, R.L & Winfield, L.F. 1979. *Schools that succeed beyond expectations in teaching reading*. Newark: University of Delaware.
- Wan Liz Ozman Wan Omar. 1996. *Pengurusan Islam abad ke-21: Revolusi pengurusan untuk keunggulan sektor awam dan korporat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Weber, G. 1971. *Inner-city children can be taught to read: For successful schools*. Washington, D.C.: Council for Basic Education.

Jabatan Pengurusan, Perancangan dan Dasar Pendidikan  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
50650 Kuala Lumpur